

No. Sebut Harga: PDT.400-080/SHBKP-1/2021

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH**

Jabatan: **PEJABAT DAERAH DAN TANAH TAMPIN**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil	Keterangan Aset	*Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1	Kenderaan Ford Everest (SUV XLT Diesel)	NBQ 3799	1	RM6,500.00

*Nota: Bagi yang berkaitan sahaja

2. Aset boleh dilihat pada 01 Februari 2021 hingga 10 Februari 2021 di antara jam 9.00 pagi hingga 3.00 petang di Ruang Meletak Kenderaan Pejabat Daerah dan Tanah Tampin.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi di alamat:

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
TINGKAT 1, PEJABAT DAERAH DAN TANAH TAMPIN
KOMPLEKS PEJABAT KERAJAAN
JALAN PADANG
73000 TAMPIN, NEGERI SEMBILAN**

4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
5. Semua tawaran dengan maklumat lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebut Harga PDT.400-080/SHBKP-1/2021 dan dihantar melalui pos atau boleh dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat:

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN
TINGKAT 2, PEJABAT DAERAH DAN TANAH TAMPIN
KOMPLEKS PEJABAT KERAJAAN
JALAN PADANG
73000 TAMPIN, NEGERI SEMBILAN**

6. Tarikh tutup Sebut Harga pada **11 Februari 2021 jam 12.00 tengah hari**. Sebut Harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.



(Tandatangan Ketua Jabatan)

Alamat: *Pejabat Daerah dan Tanah Tampin*Tarikh: *11*  *2021*

Cop:

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM 5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama Bendahari Negeri, Negeri Sembilan.
3. Tawaran tanpa / kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaan semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh peberitahuan keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.

Nota : Syarat-syarat sebutharga boleh dipinda mengikut keperluan Jabatan